

PEKELILING NAIB CANSOLOR

BIL. 28 / 2007

Kepada Semua
**DEKAN FAKULTI / KETUA PUSAT /
KETUA BAHAGIAN / PENGARAH KAMPUS CAWANGAN
DAN STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

بركاته والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan salam sejahtera

Y. Bh. Dato' / Datin / Prof. / Tuan / Puan

LARANGAN BERKELAKUAN KURANG SOPAN (BERUNSURKAN GANGGUAN SEKSUAL YANG MENCEMARKAN NAMA INSTITUSI TERHADAP PELAJAR ATAU KAKITANGAN UiTM)

Saya ingin menarik perhatian mengenai perkara di atas dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005.

Pihak UiTM ingin menggariskan beberapa tatakelakuan yang dianggap sebagai kurang sopan (gangguan seksual) dari kakitangan UiTM terhadap pelajar atau kakitangan lain atau dari pelajar UiTM terhadap Kakitangan.

Bagi tujuan ini, gangguan seksual bermakna sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini dan tidak disenangi oleh penerima dan ia dilakukan tanpa diminta atau dibalas balik oleh penerima.

Berdasarkan definisi ini, gangguan seksual di dalam konteks kakitangan dan pelajar atau pelajar dan kakitangan, boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori, iaitu gangguan seksual berbentuk ugutan (*sexual coercion*) dan gangguan seksual berbentuk ancaman terhadap ketenteraman peribadi (*sexual annoyance*).

1. Gangguan Seksual berbentuk Ugutan

Contoh: Seorang kakitangan yang mempunyai kuasa menentukan markah, cuba mengugut pelajar memberi layanan seksual kepadanya; atau seorang pegawai penguatkuasa yang diberi kuasa untuk membuat tangkapan, cuba berkelakuan kurang sopan terhadap pelajar, jika pelajar tunduk pada kehendak pegawai, laporan tidak akan dibuat.

2. Gangguan Seksual berbentuk Ancaman terhadap Ketenteraman Peribadi

Contoh: Tingkah laku berunsurkan seksual tetapi tidak ada kaitan dengan tugas rasmi iaitu seperti seorang kakitangan sentiasa menghubungi pelajar untuk keluar bersama, atau menjadi abang angkat.

Segala tingkah laku ini terbahagi kepada lima (5) jenis:

1. Gangguan secara lisan:

Contoh: penggunaan bahasa lucah dalam kata-kata, komen, gurauan, usikan, bunyi siulan, cerita, jenaka, kritikan dan soalan-soalan atau cadangan-cadangan berbentuk seksual yang menjurus kepada penampilan, pakaian, tingkah laku, tubuh badan dan aktiviti seksual.

2. Gangguan secara isyarat / bukan lisan:

Contoh: pandangan atau kerlingan yang membayangkan sesuatu niat atau keinginan berunsurkan seksual, menjilat bibir, memegang atau memakan makanan dengan cara menggoda, isyarat tangan atau bahasa isyarat yang membayangkan perlakuan seks, merenung, mengintai, tingkah laku mengurag yang berterusan.

3. Gangguan secara visual:

Contoh: menunjukkan bahan-bahan lucah, melukis gambar lucah, menulis surat, nota, e-mel, *short messaging system (sms)*, *multimedia messaging system (mms)* berunsurkan seksual, mendedahkan bahagian badan yang sulit yang tidak sepatutnya didedahkan.

4. Gangguan fizikal:

Contoh: sentuhan yang tidak didingini. Menepuk, mencubit, mengusap, menggesel badan, memeluk, mencium, menggosok atau meraba.

5. Gangguan psikologi:


Contoh: mengulangi jemputan social yang tidak diterima, memujuk rayu berterusan untuk keluar bersama atau untuk bercumbuan.

Saya memandang serius mengenai perkara ini dan sebarang laporan yang diterima oleh pihak Pengurusan Universiti untuk kes salah laku di atas atau kelakuan yang kurang sopan (Gangguan Seksual) boleh diambil tindakan tatatertib.

Sehubungan dengan itu, Y. Bhg. Dato' / Datin / Prof. / Tuan / Puan perlu mengambil perhatian mengenai perkara ini agar tidak berlaku di kalangan kakitangan jagaan masing-masing. Sila pastikan pemakluman ini disampaikan kepada semua kakitangan Y. Bhg. Dato' / Datin / Prof. / Tuan / Puan.

Sekian. والسلام

Yang benar,


DATO' SERI PROF. DR. IBRAHIM ABU SHAH
Naib Canselor

Fail kami : 100-BPD(UPD. 6/2)

Tarikh : 2 Ogos 2007